

14 OCT 2003

OIC-Lubnan/I

HANTARKAN MESEJ YANG JELAS KEPADA DUNIA, KATA HARIRI

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Negara-negara Islam perlu menghantar mesej yang jelas kepada dunia bahawa mereka tidak mahu Islam dilihat sebagai masalah global, kata Perdana Menteri Lubnan Rafiq Hariri.

"Kita juga perlu menghantar mesej berikut ke seluruh dunia: bahawa kita mahukan keamanan, kestabilan, keterbukaan dan kita mahu mengambil bahagian secara aktif dalam trend dunia yang positif serta konstruktif dan dalam institusi antarabangsa," katanya kepada Bernama.

Dalam jawapannya menerusi e-mail menjelang Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini, beliau berkata dunia Islam kini berhadapan dengan cabaran-cabaran besar di semua peringkat -- ekonomi, politik dan keselamatan.

"Kita mesti bersedia menghadapi cabaran-cabaran ini dan mewujudkan gabungan ke arah kemajuan, pertumbuhan dan penyertaan di dunia," kata Hariri, yang dijadualkan tiba di sini esok untuk sidang kemuncak itu.

Semasa ditanya mengenai langkah untuk menjadikan Barat memahami Islam dengan lebih baik, beliau berkata tindakan, aktiviti kebudayaan dan inisiatif diplomatik Islam amat penting dalam hubungan ini.

"Tetapi apa yang lebih penting ialah kejayaan kita dalam bidang ekonomi dan pembinaan negara.

"Orang Amerika dan Eropah sering bercakap mengenai nilai-nilai Asia yang menggalakkan totalitarianisme dan menghalang kemajuan.

"Tetapi apabila orang Asia berjaya dalam bidang ekonomi, mereka mula bercakap mengenai etika amanah orang Asia yang membantu kemajuan.

"Dan kini mereka mendakwa bahawa Islam menghalang pembaharuan dan menganggap ia sebagai halangan kepada pembinaan negara yang moden.

"Sekiranya kita berjaya dalam membina sebuah negara bangsa dan dalam pembangunan dasar, saya percaya pandangan mereka mengenai Islam akan berubah".

Ditanya pendapatnya mengenai gesaan Malaysia bagi perlunya menangani punca keganasan itu sendiri dalam usaha global untuk mengatasi ancaman itu, Hariri berkata: "Adalah penting pada awalnya untuk menegaskan penolakan Islam terhadap keganasan dan mengingatkan dunia bahawa kita dunia Islam merupakan mangsa pertama keganasan dan yang pertama mengutuknya.

"Tindakan berkenaan adalah bercanggah dengan ajaran agama Islam dan kepercayaan orang Islam. Tetapi adalah penting untuk diingat bahawa hanya orang yang terdesak akan melakukan perkara terdesak," kata Hariri.

Ditanya jika syak wasangka yang dilemparkan terhadap orang Islam selepas serangan pengganas 11 Sept, 2001 ke atas Amerika Syarikat menunjukkan berlakunya 'Pertembungan Tamadun', Hariri berkata: "Serangan 11 Sept mewakili cabaran keselamatan dan kebudayaan kepada seluruh dunia terutamanya negara-negara Islam.

"Ia menjejaskan orang Islam dan menjadikan Islam sebagai masalah global. Ini mungkin merupakan sebab kenapa Malaysia memilih tema 'Ilmu Pengetahuan dan Akhlak' bagi persidangan ini," katanya.

"Pengetahuan bermaksud kemajuan dan prinsip moral pula bermakna komitmen terhadap ajaran Islam sebenar yang berfikiran terbuka dan bertentangan dengan keganasan dan pencerobohan dalam sebarang bentuk," kata Hariri.

Sidang kemucak dua hari yang bermula Khamis ini dengan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merupakan perhimpunan terbesar pemimpin-pemimpin Islam selepas serangan 11 Sept.

"Pihak-pihak tertentu yang mempunyai masalah dengan umat Islam menganggap masalah ini sebagai pengesahan kepada tesis Huntington mengenai Pertembungan Tamadun. Tetapi ini tidak benar.

"Di sebalik tumpuan media terhadap masalah ini, terpulang kepada kita dalam tahun-tahun akan datang untuk membuktikan bahawa kita bukanlah merupakan masalah kepada dunia, sebaliknya kita berminat memberikan sumbangan terhadap kemajuan dan keamanannya.

"Perdana Menteri Dr Mahathir amat jelas mengatakan: Umat Islam perlu berkongsi segala-galanya di dunia secara saksama dan menolak segala bentuk kekuasaan sesebuah negara terhadap negara lain dan kawalan terhadap keputusan kita," katanya.

-- BERNAMA
AZZ AZZ ROS